


## Guna SMS dapat info trafik jambatan

 **PENGGUNA** Jambatan Pulau Pinang kini boleh mendapat maklumat jika berlaku kesesakan trafik di jambatan.

Dengan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada pengendali perkhidmatan telefon bimbit masing-masing.

Syarikat pengendali Jambatan Pulau Pinang, Penang Bridge Sdn Bhd (PPSB) dalam kenyataannya memaklumkan, SMS itu adalah sebagai perkhidmatan tambahan kepada pengguna.

Maklumat yang disediakan sebelum ini hanya menerusi papan tanda elektronik yang dikenali sebagai Variable Message Sign (VMS) dan pengumuman menerusi siaran radio tempatan.

Bagi mendapatkan maklumat menerusi SMS, pengguna perlu menaip "OTIM (ruang) topen" atau "OTIM (ruang) toprai" dan hantar mesej ke 012-4345366 (Maxis), 019-5733666 (Celcom) atau 016-4168666 (Digi).